

Pas pecahbelah umat Islam — PM

UM 23 AUG 2001

SUBANG 22 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengecam parti Pas yang memecahbelahkan umat Islam di negara ini sehingga berlaku insiden sembahyang dua imam yang terbaru di Masjid Ar-Rahman Universiti Malaya (UM).

Perdana Menteri berkata, umat Islam di negara ini tidak mempunyai masalah perpecahan dan sentiasa bersatu sebagai satu bangsa dan agama sehinggalah Pas ditubuhkan.

“Dulu kita (orang Melayu) satu bangsa dan agama, tidak ada perpecahan. Kemudian datang parti Pas dan inilah kerja mereka — memecahbelahkan orang Islam sehingga merendahkan akidah orang Islam sendiri,” katanya.

Perdana Menteri berkata

demikian sekembalinya dari lawatan ke Yemen dan menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID 2001) di Uganda di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan *Utusan* hari ini mengenai sekumpulan pelajar UM dan penyokong sebuah parti politik yang melakukan sembahyang dua imam di Masjid Ar-Rahman dekat kampus universiti itu.

Mereka bertindak demikian kerana tidak mengiktiraf imam bertauliah yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Tindakan sembahyang dua imam yang berlarutan sejak dua bulan lalu itu memaksa MAIWP mengeluarkan notis arahan kel-

marin melarang mendirikan sembahyang dua imam di masjid tersebut.

Kumpulan tersebut dikatakan memulaukan imam bertauliah dan hanya menunaikan sembahyang dengan imam sendiri selepas jemaah pertama selesai menunaikannya walaupun telah berada di masjid berkenaan sebelum azan dikumandangkan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai laporan empat orang murid tahun dua yang membuat seks oral di sekolah, Perdana Menteri yang jelas terkejut dengan berita itu menyatakan, kejadian tersebut menunjukkan betapa buruk keruntuhan moral yang berlaku di negara ini.

“Kita ada ajaran agama dan moral di sekolah tetapi kita dapati tidak berkesan,

saya tidak tahu apa yang diajar ketika ajaran agama sehingga penuntut tidak ada moral sama sekali,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, jika penuntut Melayu mendengar dengan baik dan diberikan penerangan yang cukup mengenai agama Islam, mereka tidak akan melakukan sebarang perkara yang biadab itu.

“Keruntuhan moral terjadi kerana saluran pendidikan yang digunakan bagi menjaga moral anak tidak berfungsi kerana guru yang mengajar lebih mengutamakan fahaman politik.

“Kita tahu di sekolah, kadang-kadang guru agama lebihutamakan politik daripada mengajar agama, lebihutamakan untuk menimbulkan kebencian kepada kerajaan,” katanya.